



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

14 FEBRUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 4,035 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 278,295 kes. Lima (5) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di daerah Sandakan, Beaufort, Kuala Penyu, Lahad Datu dan Kota Kinabalu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 893 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 245,615 orang. Manakala 2,885 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,295 orang di hospital, 1,458 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 130 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan dua (2) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 39 orang merangkumi 35 di ICU/repurposed kritikal *care* serta empat (4) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 21 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 39 (19.12%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Jingga satu (1) daerah.
- Zon Merah 26 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Jumlah kes harian Negeri Sabah kembali melepasi angka 4,000 dengan pertambahan 144 kes berbanding semalam. Jumlah jangkitan baharu ialah 4,035 kes. Pertambahan ini memang sudah diduga dengan mengambilkira peratusan jangkitan sporadik yang tinggi.
- b. Jumlah daerah yang mencatatkan kes tiga (3) angka juga semakin bertambah iaitu kepada 12 daerah hari ini. Antara daerah-daerah yang mencatat kes yang tinggi ialah Kota Kinabalu 910 kes, Sandakan 496 kes, Tuaran 388 kes, Tawau 328 kes, Penampang 325 kes, Papar 263 kes, Putatan 200 kes, Lahad Datu 189 kes, Beaufort 134 kes, Ranau 129 kes, Keningau 106 kes dan Kota Belud 106 kes. Kes baharu di Putatan naik 136 dalam masa sehari.
- c. Jumlah kes bergejala yang berpunca daripada jangkitan sporadik adalah amat tinggi, 61.07% atau 2,464 daripada 4,035 kes hari ini. Peratusan jangkitan sporadik yang tinggi membantu penularan virus dengan lebih cepat dan luas mengakibatkan jumlah kes harian yang berganda dalam tempoh yang cepat.
- d. Setakat semalam hanya 9,686 (2.35%) daripada 411,400 kanak-kanak yang layak divaksin di Negeri Sabah telah menerima vaksin. Ini adalah satu angka yang sangat rendah dengan mengambilkira risiko jangkitan yang tinggi serta jumlah kanak-kanak bawah umur 11 tahun yang dijangkiti COVID-19 setiap hari.
- e. Hari ini 272 pesakit baharu terdiri daripada kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun yang sepatutnya sudah layak menerima vaksin. Amatlah dianjurkan agar ibu bapa mengambil inisiatif untuk memastikan anak-anak mereka diberi vaksin agar mereka memperoleh perlindungan maksimum daripada jangkitan virus COVID-19.
- f. Pada hari ini, sejumlah 4,011 (99.41%) daripada 4,035 kes adalah dalam Kategori 1 dan 2. Terdapat tujuh (7) kes dalam Kategori 3, 14 kes dalam Kategori 4 dan tiga (3) kes dalam Kategori 5.

g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (1,287) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Bil. | Kategori Saringan | Bilangan Kes | Peratusan |
|---------------|--------------------------|---------------------|------------------|
| 1 | Kluster | 21 | 0.52% |
| 2 | Kontak | 1,287 | 31.90% |
| 3 | Bergejala | 2,464 | 61.07% |
| 4 | Bersasar | 0 | 0.00% |
| 5 | Lain-lain Saringan | 263 | 6.51% |
| JUMLAH | | 4,035 | 100% |

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (13 Februari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

| Bil. | Daerah | Catatan Kes 13/02/2022 | Catatan Kes 14/02/2022 | Perbandingan |
|---------------|---------------|-----------------------------------|-----------------------------------|---------------------|
| 1 | Putatan | 64 | 200 | +136 |
| 2 | Tawau | 245 | 328 | +83 |
| 3 | Keningau | 75 | 106 | +31 |
| 4 | Kinabatangan | 18 | 48 | +30 |
| 5 | Tenom | 18 | 40 | +22 |
| 6 | Sandakan | 478 | 496 | +18 |
| 7 | Kota Marudu | 72 | 84 | +12 |
| 8 | Ranau | 119 | 129 | +10 |
| 3 | Papar | 256 | 263 | +7 |
| 10 | Kota Belud | 100 | 106 | +6 |
| 11 | Lahad Datu | 184 | 189 | +5 |
| 12 | Telupid | 36 | 38 | +2 |
| 13 | Beaufort | 133 | 134 | +1 |
| 14 | Penampang | 389 | 325 | -64 |
| 15 | Kunak | 75 | 44 | -31 |
| 16 | Tuaran | 414 | 388 | -26 |
| 17 | Sipitang | 48 | 28 | -20 |
| 18 | Semporna | 51 | 35 | -16 |
| 19 | Kuala Penyu | 60 | 46 | -14 |
| 20 | Nabawan | 18 | 4 | -14 |
| 21 | Kudat | 39 | 27 | -12 |
| 22 | Beluran | 27 | 21 | -6 |
| 23 | Tongod | 14 | 9 | -5 |
| 24 | Kalabakan | 7 | 2 | -5 |
| 25 | Kota Kinabalu | 914 | 910 | -4 |
| 26 | Tambunan | 26 | 25 | -1 |
| 27 | Pitas | 11 | 10 | -1 |
| JUMLAH | | 3,891 | 4,035 | +144 |

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Kategori Kes | | | | | Bilangan Kes Baharu | Kes Terkumpul 14 Hari |
|---------------|------------------|-----------------|--------------------|-------------------|--------------------|---------------------|-----------------------|
| | Saringan Kluster | Saringan Kontak | Saringan Bergejala | Saringan Bersasar | Lain-lain Saringan | | |
| Kota Kinabalu | 6 | 212 | 630 | 0 | 62 | 910 | 6,484 |
| Sandakan | 0 | 100 | 384 | 0 | 12 | 496 | 3,945 |
| Tuaran | 0 | 206 | 159 | 0 | 23 | 388 | 2,724 |
| Tawau | 0 | 47 | 259 | 0 | 22 | 328 | 1,872 |
| Penampang | 0 | 152 | 166 | 0 | 7 | 325 | 2,863 |
| Papar | 0 | 109 | 149 | 0 | 5 | 263 | 1,787 |
| Putatan | 0 | 22 | 176 | 0 | 2 | 200 | 632 |
| Lahad Datu | 0 | 46 | 86 | 0 | 57 | 189 | 1,438 |
| Beaufort | 0 | 38 | 64 | 0 | 32 | 134 | 1,008 |
| Ranau | 15 | 20 | 87 | 0 | 7 | 129 | 1,079 |
| Kota Belud | 0 | 43 | 61 | 0 | 2 | 106 | 902 |
| Keningau | 0 | 53 | 51 | 0 | 2 | 106 | 647 |
| Kota Marudu | 0 | 54 | 25 | 0 | 5 | 84 | 813 |
| Kinabatangan | 0 | 23 | 25 | 0 | 0 | 48 | 359 |
| Kuala Penyu | 0 | 38 | 8 | 0 | 0 | 46 | 483 |
| Kunak | 0 | 16 | 26 | 0 | 2 | 44 | 452 |
| Tenom | 0 | 30 | 9 | 0 | 1 | 40 | 184 |
| Telupid | 0 | 31 | 7 | 0 | 0 | 38 | 281 |
| Semporna | 0 | 3 | 24 | 0 | 8 | 35 | 447 |
| Sipitang | 0 | 8 | 19 | 0 | 1 | 28 | 281 |
| Kudat | 0 | 5 | 15 | 0 | 7 | 27 | 302 |
| Tambunan | 0 | 14 | 11 | 0 | 0 | 25 | 154 |
| Beluran | 0 | 13 | 7 | 0 | 1 | 21 | 252 |
| Pitas | 0 | 1 | 8 | 0 | 1 | 10 | 102 |
| Tongod | 0 | 0 | 7 | 0 | 2 | 9 | 63 |
| Nabawan | 0 | 3 | 0 | 0 | 1 | 4 | 113 |
| Kalabakan | 0 | 0 | 1 | 0 | 1 | 2 | 30 |
| JUMLAH | 21 | 1,287 | 2,464 | 0 | 263 | 4,035 | 29,697 |

- d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Nama Kluster | Jumlah Kes Baharu |
|---------------|-------------------------------|-------------------|
| Kota Kinabalu | Kluster Jalan Pintas Sembulan | 1 |
| | Kluster Jalan Gudon | 4 |
| | Kluster Sutera 2 | 1 |
| Ranau | Kluster Jalan Bypass Kologon | 15 |
| Jumlah | | 21 |

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,134 unit

- Hospital 1,574 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,220 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 312 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 69.79%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 14 FEBRUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

| Import/Tempatan | |
|------------------------------------|--------------|
| Tempatan | 4,005 |
| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | 0 |
| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | 1 |
| Orang Dalam Tahanan /Banduan | 29 |
| Jumlah | 4,035 |

| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | |
|---------------------------------|----------|
| Kelantan | 1 |
| Jumlah | 1 |

ii. Kewarganegaraan

| Kewarganegaraan | |
|------------------------|--------------|
| Malaysia | 3,873 |
| Bukan Malaysia | 162 |
| Jumlah | 4,035 |

iii. Status Vaksinasi

| Status Vaksinasi | |
|-----------------------------------|--------------|
| Belum Layak Vaksin (Bawah 5) | 173 |
| Belum Menerima Vaksin (5-11) | 272 |
| Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun) | 186 |
| Menerima 1 Dos | 13 |
| Lengkap 2 Dos | 2,730 |
| Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak | 661 |
| Jumlah | 4,035 |

iv. Umur

| Umur (Tahun) | |
|---------------------|--------------|
| <1 | 23 |
| 1 to 5 | 150 |
| 6 to 11 | 273 |
| 12 to 17 | 251 |
| 18 to 25 | 690 |
| 26 to 59 | 2,366 |
| >60 | 282 |
| Jumlah | 4,035 |

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 13 Februari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 8,840. Daripada jumlah ini, seramai 7,379 orang adalah penduduk dewasa, 96 orang adalah penduduk remaja 1,365 orang adalah penduduk kanak-kanak.

- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 13 Februari 2022 adalah seramai 2,465,640 orang. Ini meliputi 2,117,996 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 77.96% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,411,778 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,098,427 orang atau 77.24% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 337,958 orang atau 79.30% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 313,351 atau 73.52% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 9,686 atau 2.35% orang telah menerima 1 dos vaksin.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **681,885** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sebanyak dua (2) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Dua (2) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 173+ pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 42 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (MSO 1952)

3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 843 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Terdapat satu (1) kompaun dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Tawau. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
- ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 238 premis perniagaan dan 287 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.

4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 266 Premis Perniagaan melibatkan 97 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 21 anggota di enam (6) lokasi.

6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di sembilan (9) premis, melibatkan lima (5) buah BBP pada hari ini.

7 Sejumlah 35 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.

8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 120 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **97.7%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|------------|---------------|----------------|
| 1 | Kunak | 97.8% |
| 2 | Keningau | 97.8% |
| 3 | Beluran | 97.8% |
| 4 | Sipitang | 97.8% |
| 5 | Tuaran | 97.8% |
| 6 | Semporna | 97.7% |
| 7 | Kinabatangan | 97.7% |
| 8 | Tenom | 97.7% |
| 9 | Sandakan | 97.7% |
| 10 | Ranau | 97.7% |
| 11 | Kota Kinabalu | 97.7% |
| 12 | Tawau | 97.7% |
| 13 | Papar | 97.7% |
| 14 | Kota Belud | 97.7% |
| 15 | Lahad Datu | 97.6% |
| 16 | Kudat | 97.6% |
| 17 | Penampang | 97.6% |
| 18 | Kota Marudu | 97.6% |
| 19 | Beaufort | 97.6% |

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II